

28 JUL 2003

Basikal-Kemerdekaan

USIA TIDAK HALANG SYAFIQ JELAJAH M'SIA SEMPENA HARI KEBANGSAAN

KOTA BAHARU, 28 Julai (Bernama) -- Syafiq Abdullah, 57, mahu membuktikan bahawa usia tidak menjadi penghalang dalam meluahkan rasa sayang dan cintanya kepada negara yang bakal menyambut Hari Kebangsaan Ke-46 pada 31 Ogos ini.

Syafiq, dari Rumah Transit Saudara Kita/Rumah Orang Tua-tua Tanpa Waris, Permatang Tok Gelam, Butterworth, akan berbasikal mengelilingi negara semata-mata untuk menunjukkan perasaan kasihnya kepada negara tercinta.

Syafiq yang memulakan misinya menjelajah Semenanjung Malaysia dari rumah orang tua itu pada 20 Julai lepas dijangka mengakhiri perjalanan jauhnya itu pada 31 Ogos ini di tempat beliau bermula itu.

"Pakcik dah tua...kena ambil masa nak bawa basikal ini dan jika diizinkan tuhan, pakcik akan tepat berada semula di rumah orang tua ini pada 31 Ogos ini iaitu Hari Kemerdekaan negara kita," katanya kepada Bernama sebaik tiba di bandar ini, hari ini.

Syafiq yang menggunakan basikal biasa itu turut memasang puluhan Jalur Gemilang di bahagian belakang basikal dengan di tengahnya diletakkan bendera Pulau Pinang.

Sejak mengayuh basikalnya, Syafiq telah melalui Kangar, Alor Setar, Gerik, Kota Baharu dan hari ini akan ke Kuala Terengganu sebelum ke Johor Baharu, Melaka, Kuala Lumpur, Ipoh dan berakhir di Butterworth.

"Pakcik tak pernah buat benda (mengayuh basikal) ni nak keliling negara kita tapi ini semua demi rasa patriotik pakcik kepada negara yang aman dan bertuah ini," katanya.

Beliau berkata penjelajahannya itu juga tidak ditanggung oleh mana-mana pihak sebaliknya menggunakan wang simpanannya yang ada selain simpati orang ramai ketika perjalanan.

Ketika sampai di bandar-bandar besar, Syafiq akan ke balai polis berkenaan untuk melaporkan perjalanannya dan ketika letih, lelaki tua itu juga akan singgah di mana-mana tempat yang sesuai untuk melelapkan matanya.

Syafiq juga tidak lupa untuk memberikan kata-kata perangsang kepada orang ramai terutama golongan muda yang ditemui sepanjang perjalanan supaya sama-sama mengekalkan keamanan yang dikecapi selama ini.

"Pakcik tak minta wang sesiapa pun nak buat benda ni tapi mula-mula dulu ramai kawan-kawan minta berfikir banyak kali dan saya berazam nak buat juga dan apabila pakcik melangkah tak akan berundur balik," katanya.

Beliau yang gembira kerana diberikan kekuatan dan kesihatan yang baik sejak mengayuh basikal kesayangannya itu juga pernah dikatakan kurang waras oleh sesetengah pihak yang memperkecilkan keazamannya.

"...dah tak kisah apa orang nak kata yang penting kalau sesiapa yang tahu doakanlah pakcik supaya selamat menjelajah negara kita dan kembali semula tepat pada Hari Kemerdekaan nanti dan juga basikal ni tak meragam," katanya.

Menyentuh mengenai persaraan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi, beliau yakin kesinambungan kemakmuran negara ini akan diteruskan oleh pengganti beliau nanti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kepada golongan muda hayatilah sebenar-benarnya apa erti kemerdekaan dan jangan lupa kepada jasa tokoh-tokoh negara yang telah meletakkan negara di era gemilang seperti ini," katanya.

Syafiq juga meminta golongan muda menjadikan kisah pelayaran Datuk

Azhar Mansor, perenang marathon negara, Abdul Malik Mydin serta kejayaan menakluki Gunung Everest sebagai perangsang untuk melakukan sesuatu yang boleh dibanggakan negara.

-- BERNAMA

ZI BD PR